

07 JAN 1998

BPR - Akta

MULAI ESOK BPR DIBERI KUASA GELEDIAH DAN TANGKAP

Oleh: Kuzaimah Idris

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- "Buka pintu...kami BPR."

Jangan terkejut sekiranya pintu rumah anda tiba-tiba diketuk dan berdiri di luar ialah pegawai-pegawai BPR (Badan Pencegah Rasuah) dengan kad kuasa dan perintah bertulis memaklumkan bahawa mereka dibenarkan oleh undang-undang untuk menggeledah rumah anda.

Dengan Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, pegawai BPR diberi kuasa menggeledah rumah orang yang disyaki serta untuk menahannya, kuasa yang selama ini hanya ada pada polis.

Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahya berkata memberitahu Bernama hari ini akta baru itu memberi kuasa yang lebih luas kepada BPR termasuk memintas perbualan telefon dan menyiasat salinan akaun bank orang yang disyaki dalam usaha membanteras gejala rasuah yang kini menggunakan pelbagai taktik.

"Dengan adanya akta baru ini, BPR akan memperolehi bahan-bahan bukti melalui salinan akaun bank orang yang disyaki itu untuk tujuan siasatan dan BPR juga mempunyai kuasa memintas perbualan atau komunikasi melalui telefon orang yang disyaki...tugas ini dinamakan tugas risikan," katanya.

Beliau berkata kuasa memintas perbualan melalui telefon itu adalah peruntukan baru yang diyakini berkesan kerana melalui cara itu BPR mungkin dapat mencari bahan bukti yang lebih kukuh.

Satu lagi kebaikan mengenai akta ini ialah hukuman atau penalti menjadi lebih berat agar orang ramai berfikir dua kali sebelum melakukan rasuah

"Jumlahnya memang tinggi...bayangkan jika kamu menerima RM5 sahaja nilai rasuah dan ditahan serta didapati bersalah, denda minimum yang boleh dikenakan ialah RM10,000 dan penjara sekurang-kurangnya 14 hari," katanya.

Shafee berkata daripada segi perluasan bidang kuasa pula, BPR kini mempunyai kuasa mengkaji dan memperakui salinan serta prosedur kerja jabatan awam.

Sekiranya BPR menerima permintaan daripada sesuatu jabatan menyiasat kes rasuah dan penyelewengan, akta itu membolehkannya masuk campur untuk mengkaji pengurusan jabatan itu dan membantunya merangka peraturan mencegah rasuah.

Beliau berkata dengan pindaan akta itu semua ruang samar telah dapat ditutup dan ini bermakna BPR boleh mensabitkan mereka yang bersalah terhadap tuduhan rasuah dengan mengemukakan bukti lebih kukuh, lengkap dan tidak meragukan lagi.

Akta ini akan dilaksanakan mulai esok setelah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, iaitu menteri yang bertanggungjawab terhadap BPR, menandatangani, serentak dengan pelancaran akta baru itu.

Akta Pencegahan Rasuah 1997 adalah gabungan daripada tiga undang-undang rasuah yang terpakai sebelum ini iaitu Akta Pencegah Rasuah 1961, Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 dan Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, No 22 tahun 1970.

Menurut kertas taklimat khas BPR, kuasa menggeledah dan menahan dahulunya hanya diberikan kepada polis tetapi kini pegawai BPR juga diberi peruntukan kuasa itu bagi membolehkan siasatan dijalankan dengan lebih berkesan.

Perubahan ketara dalam akta itu adalah peruntukan kesalahan-kesalahan yang baru, tambahan kuasa kepada Pendakwa Raya dan BPR, perubahan daripada

segi kaedah undang-undang dan juga daripada segi undang-undang keterangan.

Antara peruntukan baru yang tidak terdapat dalam undang-undang terdahulu ialah memberi kuasa kepada BPR menahan seseorang yang gagal hadir setelah diperintahkan datang ke pejabat BPR untuk diperiksa.

Satu lagi prinsip ialah seseorang itu dikehendaki mendedahkan maklumat walaupun ianya dapat menunjukkan bahawa dia, atau suami atau isterinya, bersalah. Akta lama tidak boleh memaksa isteri atau suami memberi keterangan terhadap pasangannya.

Hukuman lebih berat juga diperuntukkan dalam akta baru itu termasuk penjara tidak kurang daripada 14 hari dan tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali nilai rasuah yang ditawarkan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Akta Pencegah Rasuah 1961 yang dulu memperuntukkan hukuman maksimum penjara lima tahun dan denda RM10,000 sahaja bagi kesalahan-kesalahan yang sama.

Bagi kesalahan pegawai badan awam gagal melaporkan penawaran rasuah yang diberikan kepadanya, dia boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 dan penjara tidak lebih 10 tahun.

Akta lama hanya menetapkan denda tidak lebih RM500 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya. --BERNAMA

ZAI MAI